

BAB 6

BANGUNAN DAN KEHIDUPAN MASYARAKAT

Keindahan yang terdapat pada reka bentuk senibina Melayu ialah hasil pemilihan teknik dan selera yang mengwujudkan kesempurnaan. Karya seniman pertukangan Melayu ini membayangkan jiwa, daya cipta dan keperluan yang halus dan dikawal oleh nilai-nilai estetika yang diilhamkan daripada alam.

Pada peringkat awal, penciptaan sesuatu alat adalah untuk memenuhi keperluan hidup manusia (fungsi gunaan). Walau bagaimanapun, apabila wujud perkembangan intelektual, penampilan ciri-ciri estetika dan simbolisme mula ditonjolkan oleh pencipta¹. Simbolisme atau pernyataan menggambarkan hal-hal yang tersirat dan memerlukan daya pemikiran untuk mengkaji dan mentafsirkannya.

1. Abd.Malik Abd.Ghani, 1991- Tembikar tradisional Melayu rujukan khas kepada tembikar Sayong - *Purba 10* Persatuan Muzium Malaysia, hal. 81

Falsafah yang dikembangkan melalui komponen rumah menggambarkan dengan jelas betapa telitinya orang-orang tua dahulu di dalam memikirkan rekabentuk yang bukan sahaja menggambarkan keindahan luaran tetapi juga sebaliknya. Berdasarkan pengamatan manusia terhadap ciptaan Allah, mereka mengaitkannya dengan hasil-hasil ciptaan mereka. Pemikiran orang-orang Melayu yang berlandaskan Islam dinyatakan secara simbolik pada beberapa bahagian rumah. Sehubungan dengan itu apabila kita mengkaji rumah atau bangunan Melayu, kita bukan sahaja melihat struktur luar, tetapi cuba mendalami pemikiran orang Melayu.

Bagi Mailvaganam Narayanan dalam rencananya, "Rumah Melayu, Suatu Penerangan Simbolik 'rangka asas dan ruang'" menyatakan

'Rumah Melayu penting bukan sahaja sebagai alat gunaan tetapi juga sebagai peralatan simbolik'²

Bagi Nader Ardalan dan Laleh Baktiar,

'Throughout history, traditional, civilizations have thought of the tent, house, tomb, or sanctuary as a symbol of the universe. The idea of cosmic house evolved from associating the dome like ceiling of this structures with the heaven'.³

2. N. Mailvaganam Narayanan, 1991, Rumah Melayu, Suatu Penerangan simbolik Rangka asas dan Ruang, *Purba 10*, Persatuan Muzium Malaysia, hal - 1.

3. Nader Ardalan and Laleh Bakhtiar, *The sense of unity*, The University of Chicago press. 1973 hal - 74.

Syed Hussein Nasr pula menyatakan

'Islamic architecture, like all traditional architecture, is intimately related to cosmology. Traditional man lives in universe that is meaningful. The cosmos reflects the Devine principle and so does man. Therefore man is himself intimately related to the cosmos. He is the microcosm and like cosmos, reflects the metacosmic reality'..

Senibina yang dicipta dan dibangunkan berhubungkait dengan kosmos kerana manusia adalah sebahagian daripada kosmos. Oleh sebab itu Abdullah Nakula menyifatkan rumah Melayu sebagai suatu analogi sebagai tubuh badan manusia.⁵

Berdasarkan istilah-istilah yang terdapat pada senibina Melayu, Gibbs berpendapat bumbung juga dikiaskan sebagai langit. Oleh sebab itu apabila ada upacara, masyarakat Terengganu memasang lelangit⁶ pada rumah mereka. Bentuk rumah Melayu ada persamaan dengan bentuk perahu Melayu. Berdasarkan kepada beberapa istilah seperti tiang, lantai dan layar.⁷ Istilah-istilah ini dengan sendirinya merupakan simbol-simbol yang lahir dari usaha pembina untuk mengidentifikasi rumah Melayu dengan budaya perahu Melayu. Kesemua ini menunjukkan hubungan rapat orang Melayu dengan budaya perahu.

4. Syed Hussein Nasr, *The Sense of Unity*, oleh Nader Ardalan dan Laleh Bakhtiar, Chicago and London, The University of Chicago Press, 1973 hal- xii

5. Abdullah Nakula, 1996, *Penggunaan Simbol-Simbol dalam Kosmologi dan Kesenian*, kertas kerja Seminar Seni dan Kosmologi, Kosmologi Islam dalam Kesenian Melayu, Kuala Lumpur, Balai Seni Lukis dan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hal.-20.

6. Lelangit ialah memasang siling rumah yang diperbuat daripada kain putih sewaktu upacara perkahwinan diadakan.

7. Gibbs, *Opcit*, hal. 22

Apabila kita melihat rumah sebagai analogi tubuh manusia. Pada bahagian paling atas badan seorang manusia ialah kepala dan pada sesebuah bangunan ialah bumbung atau atap. Oleh kerana bumbung diibarat sebagai kepala maka ia adalah penting. Pada kepala terdapat otak yang memerintah seluruh tubuh manusia. Pada sesebuah rumah pula ada bumbung atau atap.


Bumbung juga diibaratkan sebagai langit bagi melindungi penghuni daripada panas dan hujan. Bentuk bumbung panjang pula dikaitkan dengan bentuk perahu.

'Bentuk bumbung ini jika dilihat memanjang, akan mempunyai bentuk perahu yang diterbalikkan'.⁸

Terdapat juga bangunan yang mempunyai bumbung bertingkat yang membenarkan udara keluar masuk ke dalam rumah. Bumbung bertingkat jika dikaitkan dengan manusia dapat diibaratkan sebagai kepala, leher dan bahu. Terdapat beberapa komponen pada bahagian bumbung sesebuah bangunan tradisional Terengganu. Pada bangunan jenis Potong Belanda terdapat buah guntung. Kedudukan buah guntung paling tinggi. Perkataan guntung itu sendiri bermakna tempat tinggi. Buah guntung melambangkan tingkat 'hakikat' dan bahagian kosong di atas melambangkan zat Allah yang tiada dapat digambarkan. Ada yang berpendapat buah guntung melambangkan buddha duduk (Rajah 57).

Pada bangunan yang tidak mempunyai buah guntung terdapat pula komponen yang dinamakan tunjuk langit yang merupakan tulang rumah bagi melambangkan keesaan Tuhan. Ia terletak menghala ke atas dan paling atas di dalam sesebuah rumah yang melambangkan zat Allah yang maha luas.

Rajah 57: Menunjukkan Anggota Manusia Dikaitkan Dengan Komponen Bangunan



Dalam pada itu ada juga yang berpendapat bahawa buah guntung melambangkan batu nisan pada kubur dan badan rumah adalah liang lahad. Ajaran Islam ada menyatakan bahawa apabila penghuni rumah tidur mereka adalah seolah-olah mati. Oleh itu, apabila seseorang itu pulang ke rumah dan tidur bermakna seseorang itu akan masuk ke liang lahad. Justeru itu rumah diibarat sebagai liang lahad dan buah guntung sebagai batu nisan. Orang tua-tua menyatakan seseorang itu perlulah mencari bekalan untuk akhirat sebelum mereka mati. Kesemua ini adalah sebagai ingatan kepada penghuni rumah bahawa hidup di dunia ini adalah sementara sahaja.

Bagi bangunan-bangunan masjid dan surau selalunya terdapat lambang bulan dan bintang di puncak atau di dalam bangunan. Bulan dan bintang melambangkan Islam. Jadi, mereka mengetahui bangunan-bangunan itu adalah bangunan Islam. Bulan dan bintang juga merupakan sumber cahaya dan panduan perjalanan khalifah Arab.

- Oleh sebab itu orang-orang tua selalu mengingatkan anak-anak supaya mencari seberapa banyak amalan sebagai bekal untuk akhirat. Begitu juga keadaan apabila seseorang itu keluar daripada rumah mereka, seseorang itu hendaklah mencari sesuatu yang baik dari segi agama kerana apabila pulang ke rumah, mereka akan tidur dan tidur bermakna 'mati'. Jadi buah guntung dan badan rumah boleh menjadi ingatan dan pengajaran kepada seseorang agar sentiasa beramal kerana kita tidak tahu bila kita mati sebenarnya.

Pada bahagian bumbung sesebuah bangunan terdapat pula komponen yang dikenali sebagai 'pemeleh'. Ada bangunan yang mempunyai pemeleh yang besar seperti rumah bujang. Menurut Khalid, seorang tukang rumah, pemeleh rumah bujang mengikut 'arik' pelepas pisang. Pendapat lain yang diperolehi dari orang tua-tua menyatakan ia merupakan lambang kelewang, iaitu sejenis senjata orang Melayu (Rajah 58). Selain daripada itu, pemeleh juga melambangkan keris bersilang (Rajah 59).


Pemeleh rumah Melayu dikaitkan dengan bahagian tangan anggota manusia. Dari aspek agama, pemeleh ini melambangkan huruf 'X' terbalik yang bererti "tiada Tuhan melainkan Allah". Tanya melambangkan sifat Jamal dan Jalal.

Menurut Wan Jefri,

'Pemeleh dikiaskan di dalam anggota rumah sebagai dua tangan. Di bawah kepala (alam hakikat) terpancar keluar dua lambang sifat Allah Taala yakni sifat Jalal dan Jamal. Satunya memancar ke arah kanan (Jamal) dan satunya ke arah kiri (Jalal) Ianya melambangkan kewujudan Allah iaitu sifat 'Jalal dan Jamal' Allah. 9

- Arik - Ialah perkataan Terengganu berkaitan dengan lengkung atau bentuk 9. Wan Jefri Wan Jaafar, 1984, *Rumah Tele Terengganu*, Diploma Senibina, Institut Teknologi Mara, hal. 82.

Rajah 58, 59 dan 60: Simbol yang terdapat pada bumbung bangunan tradisional




Rajah 58

Buddha Duduk




Buah Guntung




Rajah 59

Kelewang Bersilang




Pemeleh



Rajah 60

Keris Bersilang



Pemeleh



Tuan rumah berharap agar penghuninya sentiasa dipelihara Allah S.W.T.

Tebar layar berfungsi sebagai penahan tempias air hujan yang dikiaskan dengan air (tetuban) yang keluar pada masa seorang manusia (anak) dilahirkan. Ia juga diibaratkan sebagai dada seseorang manusia, yang merupakan 'dada batin' yang melahirkan bayang-bayang Islam. Tebar layar yang berbentuk tiga segi dikatakan ada kaitan dengan layar perahu.

Bahagian kedua sesebuah rumah ialah dinding. Dinding rumah diibaratkan dengan badan manusia di mana terdapat berbagai perkara di dalam perut, tetapi dengan adanya kulit maka isi perut tidak nampak kepada orang ramai. Dinding rumah juga dianggap sebagai pelindung daripada aib dan maruah. Penghuni sesebuah rumah ada lelaki, ada perempuan, ada yang tua dan ada yang muda. Dinding dapat menghalang mereka yang bukan muhrim atau orang luar menghampiri dan melihat penghuni rumah. Dinding adalah sempadan yang memisahkan penghuni dengan orang luar.

Pada bangunan tradisional Terengganu terdapat sejenis dinding yang dikenali sebagai dinding janda berhias. Dinding jenis ini merupakan dinding yang paling cantik dan dikenali sebagai dinding kembung.

Wan Jefri dalam kajiannya mengulas tentang dinding janda berhias,

'Tanda pada pengertian amnya merupakan seorang perempuan yang dahulunya hidup bergantung kepada suami yakni sesama makhluk dan sekarang telah berpisah dari suaminya dan telah kembali semula kepada hakikat dirinya yang wujud bersama dirinya iaitu zat Allah yang membangunkan dirinya. Hiasan yang dimaksudkan ialah tiada perhiasan pada dirinya yang lebih bernilai selain dari berhias dengan makrifat Allah'.¹⁰

Kalau dikaitkan dengan budaya perahu, badan rumah diibaratkan perut perahu di mana terdapat lantai, seperti lantai pada rumah. Lantai diibaratkan sebagai muka bumi di mana manusia bergerak dan berinteraksi. Muka bumi yang dimaksudkan adalah muka bumi kecil dalam kosmos yang kecil. Kalau dikaitkan dengan manusia, bahagian lantai diibaratkan sebagai bahagian punggung. Oleh sebab itu, bahagian bawah lantai dianggap kurang bersih atau kotor kerana bahagian punggung merupakan tempat mengeluarkan najis dan kotoran. Bahagian atas lantai pula dianggap ruang suci atau bersih.

10. W. Jefri - *Opcit*, hal 84

Pada pembahagian ruang rumah terdapat pula ruang-ruang tertentu. Ruang yang paling utama ialah ruang rumah ibu. Kenapakah ruang ini paling penting? Keadaan ini disebabkan penghuni yang paling lama berada di rumah ialah ibu. Ibu juga merupakan penjaga kepada sesebuah rumah. Peranan seorang ibu sangat penting dalam memastikan keadaan rumah sentiasa kemas dan bersih. Oleh sebab itu bahagian yang paling penting dan paling mulia pada sesebuah rumah ialah ruang rumah ibu, yang melambangkan penghormatan kepada seorang suri rumahtangga atau ibu.

Bahagian lain pada sesebuah rumah yang dikaitkan dengan tubuh manusia ialah tiang. Tiang dikiaskan sebagai kaki manusia. Oleh sebab itu pepatah Melayu mengatakan 'tegaknya rumah kerana tiang dan tegaknya manusia kerana kaki'. Oleh sebab itu untuk mendirikan sesebuah rumah kayu keutamaan perlu diberi pada tiang. Pada sesebuah rumah terdapat banyak jenis tiang, antaranya tiang panjang dan tiang pendek (tongkat). Namun begitu, dalam kebanyakan tiang terdapat sebatang tiang yang dianggap penting atau utama, yang dikenali sebagai 'tiang seri'. Tiang seri melambangkan pegangan teguh umat Islam, beriman dan percaya kepada Allah. Tiang seri dianggap sebagai penyeri kepada sesebuah rumah.

Di bawah tiap-tiap tiang panjang (tiang) dan tiang pendek (tongkat) terdapat alas. Alas ini dikiaskan sebagai kasut atau selipar. Peranan alas ialah bagi menjamin keselamatan tiang daripada serangga dan air.

Kalau dikaitkan dengan budaya perahu, tiang pada sesebuah rumah ada mempunyai persamaan dengan tiang layar pada sesebuah perahu. Pada sesetengah bangunan tradisional terutama jenis tiang 6, 12 dan 16 terdapat belira atau pelancar. Belira atau pelancar diibaratkan sebagai pasung yang mengikat tiang-tiang sebuah rumah. Ia bertujuan menghalang sesebuah bangunan daripada bergoyang atau bergerak kerana jarak lantai dari tanah agak tinggi. Kalau seseorang manusia dipasung kakinya sudah tentu dia tidak dapat bergerak.


Sifat rumah Melayu adalah bertiang, maka untuk memudahkan penghuni dan pelawat turun naik ke atas rumah maka tangga dibina. Pada sesebuah tangga biasanya terdapat ibu tangga dan anak tangga. Ibu tangga adalah kedua-dua pengapit sementara anak tangga pula adalah kepingan papan yang diapit oleh ibu tangga. Pada ibu tangga kebiasaannya terdapat galah tangga.

Pengapit tangga sebelah kanan melambangkan Allah S.W.T. dan pengapit sebelah kiri melambangkan Nabi Muhamad S.A.W. Empat batang galah tangga pula melambangkan empat orang Khalifah iaitu Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali.

Bilangan anak tangga pula mestilah ganjil iaitu kebiasaannya lima ataupun tujuh. Angka ganjil sentiasa menjadi pilihan masyarakat Melayu yang dikaitkan dengan ajaran Islam. Sebagai contoh banyak bacaan dalam sembahyang berangka ganjil iaitu 3 seperti bacaan semasa ruku' dan sujud. Apabila seseorang itu turun dari rumah untuk mencari rezeki sudah tentu dia juga berhasrat untuk pulang semula ke rumah. Begitu juga harapan ahli keluarga apabila ketua keluarga atau sesiapa sahaja keluar dari rumah, sudah tentu keluarga seisi rumah berharap yang keluar dari rumah akan pulang dengan selamat apabila tugas mereka selesai. Biasanya setiap langkah dimulakan dengan kaki kanan kerana dianggap baik. Justeru itu apabila seseorang itu menjejak kaki pada anak tangga pertama lalu diniat dalam hati dengan perkataan balik, dan pada anak tangga kedua bacaan tidak balik begitulah seterusnya sehingga anak tangga ke lima atau ke tujuh yang berbunyi balik. Sekiranya bilangan anak tangga itu genap maka perkataan akhir ialah tidak balik dan ini bermakna malang atau sial. Perkara ini tidak diingini oleh masyarakat Melayu.

Ada juga pendapat yang menyatakan anak tangga melambangkan nafsu seseorang manusia yang digambarkan seperti berikut:

1. Nafsu Amarah
2. Nafsu Lawanah
3. Nafsu Mulhanah
4. Nafsu Mutawainah
5. Nafsu Radsiah



Sebagai alat utama untuk turun dan naik ke rumah, sesebuah tangga tidak disambung terus ke bahagian rumah. Kebiasaannya sesebuah tangga disambung kepada lambur (pelantar). Ia bertujuan menghalang makhluk halus yang mengikut masuk ke rumah. Hal ini ada kaitan dengan kepercayaan apabila seseorang itu pergi ke sesuatu tempat, terutama sekali ke hutan, laut atau bukit bukau mereka perlu beringat-ingat kerana kebiasaannya apabila pulang makhluk halus akan ikut sama.

Untuk mengelakkan makhluk halus ini masuk ke rumah seseorang yang baru pulang dilarang terus masuk ke rumah, sebaliknya mereka diminta berhenti di lambur sejenak supaya makhluk halus tersebut beredar dari situ.

Pada setiap tangga sesebuah rumah Melayu tradisional terdapat tempayan air dan pendedok air yang dikenali dengan gayung yang berfungsi sebagai alat pencuci kaki sebelum seseorang itu naik rumah. Ini melambangkan orang Melayu mementingkan kebersihan terutama di dalam rumah kerana di dalam rumah adalah tempat tidur dan mendirikan sembahyang.

Gayung mempunyai makna yang berkaitan dengan tahap nafsu menuju ke zat Allah. Tempayan melambangkan 'perbendaharaan tersembunyi' atau alam hakikat, air dalam tempayan pula melambangkan ilmu amalan. Ilmu amalan yang datang dari alam malaikat boleh membawa manusia kepada zat Allah. Ilmu amalan ini terdapat dalam Al-Quran dan Al-Hadith. Gayung pula melambangkan 'pencuci ilmu amalan' iaitu tuan rumah.

Pencucian kaki dengan air melambangkan amal ibadat untuk mencuci kalbu (hati) sebagaimana penjelasan Wan Jefri,

'Dengan kaki atau kalbu yang dicuci ini barulah tuan rumah itu melangkah ke atas anak-anak tangga. Lima anak tangga melambangkan lima tingkat nafsu kealaman yang mesti dilalui sebelum daripada sampai ke zat Allah. Tingkat zat Allah ini juga tingkat selepasnya iaitu tingkat nafsu - kamilah (Kesempurnaan) adalah dicapai setelah berada di atas rumah'⁹

9. Wan Jefri - *Ibid*, hal.91

Secara kasarnya terdapat hubungan di antara tempayan air di tepi tangga dengan agama. Tempayan di tangga sebagai simbol, peringatan kepada mereka yang naik ke rumah supaya membersihkan kekotoran yang terdapat di kaki. Memandangkan banyak amalan yang berkaitan dengan agama berlangsung di dalam rumah maka suasana dan keadaan dalam rumah hendaklah sentiasa bersih daripada segala kotoran. Justeru itu, pada masyarakat Melayu tradisional, sepatu tidak dibawa dan dipakai di dalam rumah. Sekiranya ini berlaku maka dianggap si pemakai itu tidak tahu adat dan budaya Melayu. Sebelum seseorang itu melangkah kaki menaiki tangga, kaki hendaklah dibasuh atau dicuci. Hal ini juga ada kaitan dengan kepercayaan yang menganggap ruang di luar kotor dan ruang di dalam bersih. Oleh sebab itu didapati rumah-rumah tradisional sentiasa sahaja dicuci.

Terdapat sekurang-kurangnya dua buah tangga pada sesebuah rumah, iaitu tangga depan dan tangga belakang. Masyarakat Melayu menempatkan tangga utama di sebelah matahari naik (timur), dipercayai untuk mendatangkan rahmat kepada penghuni.


Di luar rumah dianggap kotor kerana terdapat berbagai kekotoran terutama najis sama ada najis manusia maupun binatang.

Selain perkara-perkara yang telah dibincangkan di atas, terdapat bahagian atau komponen rumah yang menggambarkan pemikiran masyarakat Melayu. Kalau dilihat pada tumpu kasau di sesetengah rumah terdapat ukiran atau ragam hias yang dikenali sebagai 'ombak-ombak' (kerana bentuk menyerupai alunan ombak di laut.) Ada juga ukiran yang dikenali sebagai lebah bergantung kerana tataletak dan bentuk ukiran ini ada, persamaan dengan bentuk sarang lebah yang bergantung di dahan-dahan pokok.

Kebanyakan pintu dan tingkap pada rumah-rumah tradisional dibuka ke dalam dan menggunakan sistem kunci yang dipanggil selak yang berkedudukan berlawanan di antara satu sama lain (Rajah 61). Masyarakat Melayu percaya dengan menggunakan gaya kunci yang diperbuat daripada kayu yang berlawanan dapat menghalang pencuri atau penjahat yang menggunakan ilmu pukau daripada memasuki rumah. Selain daripada itu, masyarakat dahulu juga percaya bahawa ilmu pukau tidak akan menjadi apabila ada unsur atau kedudukan berlawanan di dalam rumah.

Kenapa daun pintu dibuka ke dalam? Ini bertujuan menjaga keselamatan tuan rumah, apabila ada penceroboh memasuki rumah, di mana penghuni dapat berlindung di sebalik daun pintu dan mudah mengetuk kepala musuh yang memasuki rumah. Sekiranya daun pintu/tingkap dibuka keluar tuan rumah akan terdedah kepada musuh.

Rajah 61: Sistem Selak atau Kunci Pintu Bangunan Tradisional



6.2. Lanskap Tradisional Melayu

Tumbuh-tumbuhan amat penting dari segi ekonomi, pembekalan makanan, ubatan tradisional dan bahan-bahan mentah untuk membuat beraneka jenis keperluan rumah tangga dan ritual. Dalam bidang perubatan tumbuh-tumbuhan digunakan untuk penyediaan ubat-ubatan tradisional bagi mengubati berbagai jenis penyakit. Tumbuhan-tumbuhan memainkan peranan yang penting di dalam melahirkan budaya material sesuatu masyarakat. Tumbuhan-tumbuhan juga digunakan untuk membina tempat berteduh, alat pengangkutan, peralatan memburu, kraftangan dan ritual.

Tumbuhan merupakan kurniaan Allah kepada manusia dan terpulanglah pada manusia untuk memanfaatkannya. Manusia telah memilih dengan teliti tumbuh-tumbuhan yang ada di sekeliling mereka sama ada untuk makanan, ubatan atau perhiasan. Semenjak dahulu lagi manusia memberi tempat yang tinggi pada tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh dalam sistem kepercayaan mereka, di mana tumbuh-tumbuhan dikaitkan dengan amalan keagamaan, magis, bomoh dan perkahwinan

Sesetengah masyarakat melihat tumbuh-tumbuhan sebagai perlambangan atau simbol. Sebagai contoh, orang-orang Greek dan Roman Purba menyembah bunga dan tumbuhan ubatan kerana tumbuhan ini cantik dan berkhasiat. Orang-orang India yang beragama Hindu meletakkan pisang yang berbuah di hadapan pintu rumah pengantin perempuan sebagai tanda kesuburan. Begitu juga dengan orang-orang Kristian semasa berkahwin, memberi sejambak bunga kepada tetamu sebagai lambang kesuburan. Bagi masyarakat Melayu, bunga adalah lambang perempuan, terutama anak-anak gadis. Perkataan menyunting bunga semasa merisik melambangkan anak gadis sebagai bunga.

Tumbuhan mempengaruhi tradisi budaya orang Melayu. Oleh sebab itu kita dapati tumbuh-tumbuhan dijadikan unsur penting di dalam pantun dan peribahasa, digunakan dalam upacara kematian dan kelahiran, ukiran, kraftangan, batik dan songket.

Kepentingan tumbuh-tumbuhan ini telah menyebabkan masyarakat Melayu menamakan sesuatu kampung, bandar, malahan negeri berdasarkan nama pokok. Sebagai contoh Negeri Melaka, Dungun, Pulau Manis, Pulau Rusa dan sebagainya. Selain itu, nama-nama anak gadis juga diberi nama bunga seperti Kenanga, Melati, Melor dan sebagainya.

Terdapat beberapa cara manusia memilih tumbuh-tumbuhan untuk mengisi keperluan hidup. Ada yang berkait dengan kepercayaan di mana ada hari-hari tertentu yang sesuai diambil, digunakan dan dimakan. Pemilihan tumbuh-tumbuhan untuk dimakan dan dijadikan ubat diperolehi melalui pemerhatian kepada binatang, kerana manusia percaya apa sahaja tumbuhan yang dimakan oleh binatang boleh dimakan kerana ianya tidak beracun.

Tumbuh-tumbuhan ubatan banyak diketahui oleh pemburu-pemburu pada masa memburu, di mana binatang yang ditembak tidak mati, setelah binatang itu memakan tumbuhan tertentu. Tumbuhan itu mungkin dapat menjadi penawar luka atau dapat menghilangkan rasa sakit. Pemburu akan menggunakan pokok itu sebagai panduan untuk kegunaan kemudian hari. Sebahagian tumbuhan yang telah dikenalpasti boleh dijadikan ubatan telah dibawa pulang ke kampung dan ditanam di sekeliling rumah.

Landskap dan Perlandskapan

Landskap diertikan sebagai apa sahaja yang dapat dilihat di atas muka bumi seperti bangunan, jalan raya, tumbuh-tumbuhan, tasik, gunung-ganang dan sebagainya.¹⁰

10) Mustafa Kamal Mohd Shariff, 1989, *Hortikultur Hiasan dan Landskap*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 197

Pelandskapan ialah satu proses yang melibatkan kegiatan merancang, merekabentuk, melaksana dan menguruskan landskap untuk keselesaan dan keseronokan manusia di samping menunjukkan suasana harmoni dengan alam sekitar.¹¹

Konsep Landskap Tradisional

Secara kasarnya landskap merupakan suatu seni penyusunan pokok yang bertujuan mencantikkan sesuatu kawasan. Pada masyarakat Melayu perkataan ini adalah asing, tetapi konsepnya telah diketahui, iaitu menanam pokok-pokok di sekitar atau halaman rumah yang bertujuan untuk kegunaan rumah tangga. Oleh sebab itu, didapati penyusunan dan pemilihan pokok tidak diberi penekanan dan orang bertanggungjawab menyusun atur dan menyelenggara pokok dikenali sebagai tukang kebun atau pembina taman. Walau bagaimanapun, kita dapat menilai pemikiran masyarakat Melayu yang memilih dan menanam pokok-pokok yang ada berbagai fungsi seperti masakan, ulam-ulaman, ubatan, makanan, ritual/upacara di samping ada ciri untuk melindungi kawasan dari cuaca panas di samping dijadikan bahan dan alat untuk kerjatangan.

11) *Ibid*, hal-197

Lebih tepat kalau dikatakan landskap kepada orang Melayu sebagai "kebun dapur". Tanaman itu ditanam di sekitar rumah kerana ia sukar didapati dan diperlukan dalam kuantiti kecil pada waktu-waktu tertentu. Oleh sebab itu kita dapati konsep landskap tradisional jauh berbeza dengan landskap moden yang lebih mementingkan nilai-nilai estetika, sedangkan orang Melayu lebih mementingkan fungsi gunaan. Selain itu, pokok-pokok yang ditanam berbagai rupa, malahan mempunyai bau-bauan dan warna yang berbagai yang boleh menyegarkan penghuninya dan persekitaran.

Jenis-Jenis Tanaman

Pokok-pokok ditanam di tempat-tempat tertentu berdasarkan kesesuaian tempat dan tujuan. Tanam-tanaman adalah untuk dijadikan perisa, sayur-sayuran dan ulam-ulaman. Kebiasaannya tanaman ini ditanam di kawasan belakang rumah berdekatan dengan punca air.

Jenis-jenis tanaman adalah seperti Jadual 6.

Jadual 6

JENIS	KEGUNAAN
1. Pandan wangi	-Perisa, warna dan upacara (bunga rampai)
2. Lengkuas	-Perisa dan ubatan
3. Kunyit	-Perisa, warna dan ubatan
4. Serai	-Perisa, warna dan ubatan
5. Halia	-Perisa
6. Cili Padi	-Perisa, ubat
7. Kari	-Perisa
8. Limau nipis/ purut	-Perisa/rempah
9. Kesum, kemangi dan selasih	-Perisa dan ubat
10. Asam Jawa	-Perisa
11. Lada	- Perisa dan ubat
12. Cekur Manis	

Selain tanaman untuk perisa, sayur-sayuran dan ulam-ulaman seperti bayam, ulam raja, petola, peria, kangkung, sawi, kobis, terung, cekur manis, keladi, bawang besar, bawang merah, labu, kundur dan kekacang yang memanjang juga ditanam di sekitar belakang rumah.

Terdapat juga berbagai jenis pisang yang ditanam di kawasan belakang rumah. Pokok pisang dianggap penting kerana daun, jantung dan buah pisang sangat berguna. Sebagai contoh, daun digunakan untuk membungkus kuih-muih, putik dan jantung pisang untuk masakan, buah untuk dimakan atau dibuat kuih. Tanaman lain yang ditanam ialah kelapa, sekurang-kurangnya sepokok ditanam di sekitar rumah. Pokok kelapa dikenali sebagai pokok serbaguna kerana keseluruhan bahagian pada sebatang kelapa ada gunanya kepada masyarakat Melayu. Sebagai contoh, santan kelapa untuk masakan, batang kelapa untuk titi dan tungku memasak, daun kelapa membungkus untuk kuih-muih dan akar kelapa dijadikan tali untuk mengikat.

Pokok lain yang ditanam di sekitar rumah ialah nangka, mangga, ciku, limau, jambu air, jambu batu, bidara, delima dan manggis.

Penyakit dan ubat tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan manusia. Ketiadaan rawatan moden telah menyebabkan orang Melayu menanam tanaman ubatan yang ditanam adalah bonglai, halia bara, cekur, jeringau, sireh, kunyit, lengkuas dan bunga melur, bunga cempaka, bunga china, bunga tikam seladang, bunga raya putih, bunga bakawali, bunga pekan, bunga susun kelapa, inai dan bunga kemboja.

Tanaman tersebut berbunga dan berbau dan digunakan untuk ubat-ubatan dan juga upacara dan perhiasan pada orang perempuan. Kebanyakan tanaman ini ditanam di tepi dan bahagian hadapan rumah. Oleh kerana landskap Melayu cenderung kepada fungsi, maka didapati pokok-pokok teduhan yang ditanam juga berguna sama ada untuk dimakan buahnya, dijadikan bahan masakan ataupun digunakan sebagai ubatan.

Pokok-pokok teduhan yang selalu ditanam di keliling rumah adalah seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7

JENIS	KEGUNAAN
1. Nangka	- Masakan, buah dan ubat
2. Cempedak	- Buah
3. Jambu Air	- Buah
4. Belimbing Besi	- Masakan dan ubatan
5. Belimbing Buluh	- Masakan dan ubatan
6. Limau Bali/Purut	- Makanan
7. Delima	- Makanan dan ubatan
8. Ciku	- Makanan dan ubatan
9. Kuini & Pauh	- Buah dan ulaman
10. Bidara	- Makanan, upacara dan ubat
11. Manggis & Rambutan	- Makanan dan ubatan
12. Jambu Batu	- Makanan dan ubatan

Terdapat satu keistimewaan pada setengah-setengah rumah Melayu di mana pagar atau sempadan rumah dibuat daripada tanaman yang disusun rapi. Pokok-pokok yang ditanam untuk pagar ialah buluh china, pinang, teh, puding dan bunga raya.

Pokok-pokok itu bukan sahaja dijadikan pagar tetapi berguna. Sebagai contoh, pokok pinang, buahnya boleh dimakan dengan siri, daun pinang dijadikan alat mengubat orang sakit dan upih pinang dijadikan alat permainan kanak-kanak di samping pembungkus makanan. Buluh china pula dijadikan bahan untuk menghasilkan barang kraf seperti raga buluh, dijadikan peleting untuk benang tenunan dan kadangkala dijadikan alat permainan kanak-kanak. Pagar buluh istimewa kerana boleh dibentuk berbagai rupa. Kadangkala pintu gerbang pagar halaman juga diperbuat daripada pokok yang memanjang seperti tikam seladang.

Selain menanam tanaman di atas tanah, pokok-pokok juga ditanam dalam bekas atau tin-tin kosong. Pokok-pokok kecil yang ditanam di dalam bekas adalah pokok ubat-ubatan dan sayur-sayuran seperti cekur, bonglai, kobis, lada dan terung.

Dari apa yang perbincangan di atas didapati Konsep Lanskap Melayu lebih mementingkan fungsi dan estetika (terutama keperluan dapur). Walau bagaimanpun, ada juga ciri-ciri lanskap moden, seperti menanam pokok berbunga atau berwarna tetapi kebanyakan pokok bunga yang ditanam mempunyai bau yang harum.